



## MBCTS

MALAYSIAN BOARD OF CARDIOTHORACIC SURGERY

**TAWARAN MENGIKUTI PROGRAM FELLOWSHIP CARDIOTHORACIC SURGERY (TEMPOH 6 TAHUN) KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA, UNIVERSITI, INSTITUT JANTUNG NEAGARA SERTA INSTITUSI LAIN YANG DIIKTIRAF BAGI SESI AKADEMIK BERMULA DARI JULAI 2017.**

**ANJURAN MALAYSIAN BOARD OF CARDIOTHORACIC SURGERY (MBCTS) DENGAN SOKONGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA, AKADEMI PERUBATAN MALAYSIA DAN, ROYAL COLLEGE OF SURGEONS OF EDINBURGH.**

### 1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat am seperti berikut:

1.1 Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan (contoh: MBBS, MD) atau yang diiktiraf setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

1.2 Mempunyai kelulusan *Member of the Royal College of Surgeons MRCS UK (part A & B)*.

1.3 Telah berdaftar penuh dengan MPM.

1.4 Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya 2 tahun selepas pendaftaran penuh.

1.5 Sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bertugas sebagai seorang Pegawai Perubatan dalam bidang pembedahan di mana sekurang-kurangnya wajib memiliki pengalaman 6 bulan dalam Pembedahan Kardioterasik dan 6 bulan dalam Pembedahan Am. Calon yang berpengalaman bertugas di Unit/Jabatan berkaitan seperti, Kardiologi, Perubatan Respiratori, Rawatan Rapi serta Kemalangan Kecemasan akan diberi keutamaan .

1.6 Lantikan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan pada **tarikh Tutup permohonan 30hb April 2017**.

1.7 Telah berkhidmat dengan KKM, Universiti atau Institut Jantung Negara (IJN) atau institusi yang setaraf sekurang-kurangnya **2 tahun** (tidak termasuk latihan siswazah) pada **tarikh tutup permohonan** atau berkelayakan untuk menerima Biasiswa Latihan/Kursus daripada KKM, Universiti atau IJN.

1.8 Berumur tidak melebihi **35 tahun** pada **tarikh tutup permohonan**.

1.9 Calon-calon KKM mestilah memiliki prestasi cemerlang dengan markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% dan ke atas bagi 2 tahun terakhir berturut-turut iaitu 2015 dan 2016 (**genap 12 bulan** bagi setiap tahun).

1.10 Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama.

1.11 **Tidak pernah gagal** atau **menarik diri** daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia.

### 2. BUTIRAN PROGRAM LATIHAN

2.1. Menjalani latihan sekurang-kurangnya empat (4) tahun di mana-mana institusi KKM yang diiktiraf, Institut Jantung Negara dan Pusat Perubatan Universiti Malaya di dalam bidang pembedahan kardioterasik sebelum meneruskan latihan "*Higher Surgical Training*" selama 2 tahun mengikut bidang-

bidang berkaitan yang akan ditentukan kemudian, di mana sebahagian dari tempoh itu termasuklah menjalani latihan di luar negara jika sesuai.

2.2. Calon adalah layak untuk menduduki peperiksaan *Fellowship of the Royal College of Surgeons of Edinburgh FRCS (Edinburgh) Cardiothoracic Surgery* selepas melengkapkan latihan selama 4 tahun, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

2.3 Calon yang lulus peperiksaan FRCS CTh dan melengkapkan latihan selama 6 tahun yang disahkan oleh MBCTS akan dianugerahkan Sijil Tamat Latihan Kepakaran. Calon juga perlu melengkapkan proses pewartaan atau proses amalan diselia selama tempoh 1 tahun selepas itu di institusi amalan latihan bagi melayakan calon memohon kemasukan ke dalam Daftar Pakar Kebangsaan (*National Specialist Registry – NSR*) dan dilantik sebagai Pakar Bedah Kardioterasik.

### **3. SYARAT-SYARAT TAWARAN**

3.1 Pihak MBCTS berhak menentukan penempatan latihan bagi Pegawai Perubatan di mana-mana hospital yang diiktiraf pada bila-bila masa.

3.2 Kelangsungan program latihan dan perkembangan tahunan adalah tertakluk kepada pembayaran yuran kursus yang ditentukan oleh MBCTS. Pegawai Perubatan KKM boleh dipertimbangkan untuk Hadiah Latihan Persekutuan berdasarkan terma dan syarat. Pengamal Perubatan di institusi lain perlu mendapatkan tajaan daripada Universiti, IJN atau sumber lain. Bayaran yuran pendaftaran sebanyak RM 5000.00 adalah diperlukan semasa penerimaan ke dalam program ini, dan yuran kursus tahun pertama mesti dibayar dalam masa enam bulan selepas kursus bermula.

3.3 Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga oleh MBCTS.

3.4 Calon-calon yang disifatkan tidak mencapai standard yang diperlukan semasa latihan penilaian berkala atau mereka yang didapati tidak sesuai untuk latihan pembedahan kardioterasik akan digugurkan daripada program ini selepas dipertimbangkan oleh MBCTS.

### **4. CARA UNTUK MEMOHON**

4.1. Permohonan hendaklah dibuat kepada MBCTS dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

4.2 Dua (2) salinan **Curriculum Vitae – CV yang lengkap dan 2 gambar passport pemohon;**

4.3 Dua (2) salinan **Kenyataan atau Buku Perkhidmatan** yang dikemaskini dan disahkan;

4.4 Dua (2) salinan dokumen berikut yang telah disahkan – Ijazah Perubatan, Ijazah MRCS, Sijil Pendaftaran Penuh, Surat Pengesahan Jawatan sekarang dan 2 surat sokongan dari pakar perunding pembedahan yang pernah menyelia tugas pemohon lebih daripada tempoh 6 bulan.

### **5. PERINGATAN PENTING**

Permohonan hendaklah sampai kepada The Secretariat, Malaysian Board of Cardiothoracic Surgery, G1 Academies of Medicine, 210 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur selewat-lewatnya pada 30 April 2017. **Sila catitkan “Fellowship In Cardiothoracic Surgery“ di penjuru bawah kanan sampul surat.** Sebarang kelewatan penerimaan permohonan tidak akan dipertimbangkan. Permohonan tidak lengkap akan ditolak. Pertanyaan melalui email boleh ditujukan kepada secretariat @matcv.org.my